



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28/3/2012

RABU 28 MAC 2012

UTUSAN MALAYSIA - MUKA 11

Rencana

Wikileaks, Anwar, demokrasi, fakta dan auta...

SENARIO 1:

ANWAR Ibrahim amat takut dengan isu Israel yang beliau terlepas cakap. Dalam interviu dengan *Wall Street Journal*, Anwar dipetik sebagai berkata, "saya menyokong segala usaha untuk melindungi keselamatan *the state of Israel* (negara Israel)".

Kata-katanya membuatkan beliau mengigau tengah malam. Malah, para penasihatnya kini sedang membuat *damage control* terhadap kata-kata itu.

Para penasihatnya juga telah mula mengedarkan perancangan kepada semua propagandis supaya jangan sentuh soal Israel itu dan mula bercakap mengenai soal lain. Bercakaplah mengenai pencapaian mereka selama empat tahun memerintah empat negeri.

Bagi mereka isu negara Israel boleh menghakis sokongan orang Melayu Islam kepada Anwar.

Malah Anwar dalam wawancaranya dengan *Wikileaks* London melalui talian *tele-conferencing* dengan pengasas *Wikileaks*, Julian Assange yang berlangsung di Bilik Tele-Conference, Bangunan Telekom Malaysia, Jalan Perak, Pulau Pinang pada 23 Mac lalu juga tidak menyentuh mengenai soal negara Israel dan sokongannya kepada keselamatan negara Zionis itu.

Kemungkinan Anwar-Assange telah berpakat mengenai soalan dan jawapan yang akan ditanya.

Dalam wawancara yang turut dihadiri oleh kira-kira 25 orang ahli-ahli PKR, DAP dan Pas, pengiring rapat Anwar dan kakitangan Telekom kira-kira pukul 7.45 hingga 8.55 malam itu juga tidak menyentuh mengenai soal mengapa beliau tidak mahu menyaman Datuk Trio yang terang-terang mempunyai video salah laku seksnya dengan seorang pelacur warganegara China. Dalam wawancara itu beliau hanya menafikan melanggan pelacur.

Kita hairan jika beliau boleh menyaman RM100 juta ke atas Nalla kerana menggelar beliau sebagai biseksual, mengapa tidak diambil tindakan sivil ke atas Datuk Trio yang terang-terang mendedahkan mengenai video itu?

Kebanyakan isi kandungan wawancara Anwar-Assange itu menyentuh mengenai cerita lama. Cerita yang beliau sering ulang-ulang di atas pentas politik. Semuanya mengenai soal kebaikan beliau dan kejahatan orang lain.

Anwar cuba mempromosi dirinya sebagai insan yang syumul, manakala musuh-musuh politiknya sebagai jahat dan berniat

Cuit

ZAINI HASSAN  
zaini.hassan@utusan.com.my



untuk menghalang masa depan politiknya.

Antara kandungan wawancara itu, beliau mengaku menyertai perjuangan UMNO kerana merasakan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang mampu mengubah nasib orang Melayu, tetapi akhirnya beliau merasakan Dr. Mahathir bukanlah seorang pemimpin seperti mana yang diharapkan olehnya.

Di peringkat ini, Anwar masih menafikan peranan Dr. Mahathir yang memecatnya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Walhal Dr. Mahathirlah yang banyak mengubah nasib dan masa depan orang Melayu sehingga ke peringkat hari ini.

Beliau turut menegaskan, kebanyakan warga Malaysia bukan Melayu menerima bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, tetapi adalah satu tindakan yang melampau batas sekiranya kerajaan menghapuskan bahasa-bahasa yang lain.

Namun, persoalannya bila pula kerajaan mengambil tindakan menghapuskan bahasa-bahasa lain.

Tidak nampakkah beliau, betapa tumbuh segarnya sekolah-sekolah Cina di negara ini, sehingga mereka tidak mahu mana-mana guru yang tidak tahu berbahasa Cina bertugas di sekolah itu?

Anwar terus-menerus mendakwa corak pemerintahan lama (sekarang) bersifat perkauman dan meminta dipilih parti yang mendukung corak demokrasi.

Perlu disebut tiada mana-mana media dijemput mengikuti wawancara itu.

Beliau turut mempersoalkan mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang konon hanya menumpukan kepada orang Melayu, sedangkan orang Cina, India dan Iban juga miskin dan mengapa dasar itu tidak diperkemaskan.

Nampak jelas beliau menafikan semua yang dilakukan oleh kerajaan ke atas bangsa-bangsa lain yang lebih hebat pencapaian ekonomi mereka berbanding dengan kaum Melayu. Da-

lam wawancara ini, beliau seboleh-boleh memperlekeh-lekehkan sokongan kerajaan kepada orang Melayu dengan menuduh kerajaan mengetepikan kaum-kaum lain.

Kesimpulan kepada wawancara dengan *Wikileaks* London itu merupakan peluang emas kepada Anwar untuk membuat publisiti serta propaganda dan kritikan terbuka ke atas Kerajaan Pusat bagi mencapai matlamat melemahkan pengaruh pucuk pimpinan.

Anwar akan terus menggunakan platform asing, untuk meraih sokongan terhadap dirinya, walaupun kebanyakan apa yang beliau katakan itu hanyalah bersifat retorik semata-mata.

SENARIO 2:

DALAM wawancara dengan *Wikileaks* London itu, Anwar dipetik sebagai berkata: PRU kali ini merupakan satu ujian kepada rakyat sama ada mereka masih ingin menerima corak pemerintahan lama yang bersifat perkauman atau parti yang mendukung corak demokrasi.

Parti yang mendukung corak demokrasi? Tidak demokratikkah Malaysia selama 55 tahun kemerdekaan ini?

Cuba renungkan semasa pemilihan parti dokongan Anwar, PKR tempoh hari, demokratikkah? Apa yang kita tahu pemilihan itu paling kotor dalam sejarah politik Malaysia.

Sehinggakan ada antara pemimpinnya yang bertanding jawatan tertinggi parti meminta supaya dijalkan siasatan mengenai proses ke atas pemilihan yang didakwa mereka penuh muslihat dan tidak demokratik. Siasatan itu sehingga sekarang tidak berlaku.

Malah, rakan-rakan Anwar yang meninggalkannya beramai-ramai turut menyifatkan Anwar sebagai pemimpin yang autokratik (bersifat kuku besi).

Jika Anwar inginkan corak demokrasi, mengapa pula beliau boleh bekerjasama dengan Pas yang menyingkirkan Dr. Hasan Ali, tanpa dipanggil membela diri?

Juga bagaimana pula setelah memerintah selama empat tahun sahaja, Pulau Pinang kini diubah sedikit demi sedikit menjadi pulau untuk golongan kaya-roya dan mewah dengan mengetepikan orang miskin.

Cuba lihat pekeliling yang dikeluarkan

SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5564 7043  
: 03-5564 7045  
Fax : 03-5510 5062

selangorku

Ref. Tuan :  
Ruj. Kadir: IPK.Sel. 20046/3 (15)  
Tarikh: 9 Mac 2012

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"  
"PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA"

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan  
Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,  
SURAT PEKELILING SUK BIL. 3 TAHUN 2012  
PENURUNAN PAPAN IKLAN GAMBAR DAN POSTER YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI, BEKAS Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal EHWAL ISLAM, ADAT-ADAT MELAYU, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM  
Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.  
2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan adalah diarahkan untuk menurunkan sebarang papan iklan gambar atau poster yang memaparkan YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali, bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal EHWAL Islam, Adat-Adat Melayu, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam yang melibatkan program atau aktiviti rasmi Kerajaan Negeri dengan kadar segera berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.  
Sekian. Terima kasih.  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)  
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini, yang kononnya disifatkan oleh Anwar sebagai betul-betul mendukung corak demokrasi?  
Renung-renungkanlah surat ini...

Wahai saudara Anwar, janganlah cakap tak serupa bikin. Bercakaplah dengan fakta, bukan auta.